

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (13)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 1 TAHUN 2022**

**TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2022
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

09 Januari 2022

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (13)

29 Jan 2022

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2022

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2022

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2022 Universiti Malaysia Kelantan.
- 1.2 Peraturan ini dilaksanakan bagi memastikan penyediaan gaji dapat diuruskan dengan sempurna dan pembayaran gaji dapat dilakukan mengikut tarikh yang diluluskan bagi mengambilkira kesesuaian dan keperluan staf.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kertas kerja Cadangan Tarikh Pembayaran Gaji Bagi Tahun 2022 telah diperakukan dalam mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 4 Tahun 2021 yang bersidang pada 16 November 2021.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 6 Tahun 2021 yang bersidang pada 13 Disember 2021 telah meluluskan Cadangan Tarikh Pembayaran Gaji Tahun 2022 kepada semua staf universiti dalam tempoh tidak melebihi 30 hari bagi setiap bulan.

3. TARIKH PEMBAYARAN GAJI

- 3.1 Tarikh pembayaran gaji bulanan bagi tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran 1.**

4. ELAUN LEBIH MASA

- 4.1 Adalah menjadi tanggungjawab staf untuk memastikan bahawa setiap borang tuntutan kerja lebih masa disertakan dengan surat arahan dari Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) mengikut tempoh kerja lebih masa yang dijalankan.
- 4.2 Ketua PTj bertanggungjawab menyemak butiran borang tuntutan kerja lebih masa yang dikemukakan oleh staf serta memastikan baki peruntukan mengurus elaun lebih masa di Fakulti/Jabatan mencukupi.
- 4.3 Sebarang tuntutan hendaklah diluluskan oleh Ketua PTj sebelum atau pada tarikh seperti di **Lampiran 2**.
- 4.4 Kegagalan berbuat demikian menyebabkan pembayaran elaun lebih masa tidak dapat diproses dan akan dibayar pada bulan berikutnya.

5. PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC) DAN POTONGAN KELOMPOK

- 5.1 Bahagian Sumber Manusia hendaklah memastikan bahawa semua maklumat berkaitan pembayaran gaji dan elaun serta potongan kelompok dikemukakan melalui ROC mengikut tarikh yang ditetapkan seperti di **Lampiran 2**.
- 5.2 Arahan di perenggan 5.1 yang diterima lewat daripada tarikh yang ditetapkan akan diproses pada bulan berikutnya.

6. PEMAKAIAN

- 6.1 Surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD YUSRI BIN AWANG

Bendahari

b.p: Naib Canselor

TARIKH PEMBAYARAN GAJI TAHUN 2022

Bulan	Tarikh	Justifikasi
Januari	20.01.2022 (Khamis)	
Februari	20.02.2022 (Ahad)	<i>Tahun Baru Cina 1 & 2 Februari 2022 (Selasa & Rabu)</i>
Mac	22.03.2022 (Selasa)	
April	21.04.2022 (Khamis)	
Mei	22.05.2022 (Ahad)	<i>Hari Raya Puasa 3 & 4 Mei 2022 (Selasa & Rabu) Hari Pesta Kaamatan 30 & 31 Mei 2022 (Isnin & Selasa)</i>
Jun	21.06.2022 (Selasa)	<i>Hari Gawai 1 & 2 Jun 2022 (Rabu & Khamis)</i>
Julai	21.07.2022 (Khamis)	<i>Hari Raya Haji 10 & 11 Julai 2022 (Ahad & Isnin)</i>
Ogos	21.08.2022 (Ahad)	
September	20.09.2022 (Selasa)	
Oktober	18.10.2022 (Selasa)	<i>Hari Deepavali 24 Oktober 2022 (Khamis)</i>
November	17.11.2022 (Khamis)	
Disember	15.12.2022 (Khamis)	<i>Hari Krismas 25 Disember 2022 (Ahad)</i>

**TARIKH AKHIR KELULUSAN ELAUN KERJA LEBIH MASA
DAN PENGHANTARAN ROC TAHUN 2022**

BULAN	ELAUN KERJA LEBIH MASA	PENYATA PERUBAHAN GAJI (ROC)
Januari	09.01.2022 (Ahad)	10.01.2022 (Isnin)
Februari	09.02.2022 (Rabu)	10.02.2022 (Khamis)
Mac	09.03.2022 (Rabu)	10.03.2022 (Khamis)
April	10.04.2022 (Ahad)	11.04.2022 (Isnin)
Mei	11.05.2022 (Rabu)	12.05.2022 (Khamis)
Jun	08.06.2022 (Rabu)	09.06.2022 (Khamis)
Julai	10.07.2022 (Ahad)	11.07.2022 (Isnin)
Ogos	10.08.2022 (Rabu)	11.08.2022 (Khamis)
September	07.09.2022 (Rabu)	08.09.2022 (Khamis)
Oktober	06.10.2022 (Khamis)	06.10.2022 (Khamis)
November	06.11.2022 (Ahad)	06.11.2022 (Ahad)
Disember	05.12.2022 (Isnin)	05.12.2022 (Isnin)